

14 JUL 1996

Mahathir-Kazakhstan

KAZAKHSTAN MAHU MALAYSIA BANTU BINA IBU NEGARA BARU

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Kazakhstan berharap akan dapat menggunakan sepenuhnya peluang-peluang daripada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke negara itu Khamis ini termasuk mendapatkan bantuan Malaysia untuk membina ibu negara baru, kata seorang pegawai.

Kuasa Usaha Kazakhstan di sini, Murat Munataev berkata, untuk tujuan ini negaranya berharap Malaysia akan menempatkan duta tetapnya di Almaty, ibu negara Kazakhstan dan menandatangani beberapa perjanjian antara lain mengenai cukai berganda dan perbankan.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali akan berlepas esok untuk membuat lawatan enam hari ke dua negara Asia tengah bermula dengan Republik Kyrgyz pada 15 hingga 18 Julai dan selepas itu Kazakhstan sehingga 20 Julai.

Rombongan rasmi Perdana Menteri termasuk lima Menteri Kabinet iaitu, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr Abdul Hamid Othman -- dan tiga Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri.

Yang akan turut sama dalam rombongan itu ialah delegasi perniagaan 81 anggota yang diketuai oleh pengerusi dan ketua eksekutif Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli.

Munataev memberitahu Bernama yang beliau secara peribadi berpendapat negaranya akan beruntung daripada segi usaha pembangunannya sekiranya bekas Menteri Kewangan dan sekarang penasihat ekonomi kerajaan, Tun Daim

Jumaat lepas Munataev membuat kunjungan dan berbincang dengan Tun Daim yang juga akan turut serta dalam lawatan Perdana Menteri itu.

Menurut Munataev, Kazakhstan memerlukan sebuah ibu negara baru kerana ibu negara sekarang, Almaty, (jumlah penduduk 1.2 juta), terlalu kecil dan tidak boleh dibesarkan kerana dikelilingi oleh gunung-ganang di tiga penjurunya.

Ibu negara yang dicadangkan itu di Akmoly, kira-kira 1,000 km dari Almaty, akan dibina atas kawasan separuh padang pasir tanpa halangan untuk pembesaran dan Munataev menganggarkan ianya akan berharga sehingga AS\$50,000 juta untuk dibina.

"Hasrat untuk meminta bantuan Malaysia membina ibu negara baru ini telah dibincangkan oleh presiden kami (Nursultan Nazarbayev) dengan Dr Mahathir semasa lawatan beliau ke sini Mei lepas. Dr Mahathir telah menyatakan yang beliau akan mengkaji kemungkinan untuk membantu dalam hal ini," kata Munataev.

Munataev yang menubuhkan pejabat wakil Kazakhstan di sini dua tahun lalu berkata usaha awalnya untuk menarik pelabur-pelabur Malaysia ke negaranya kurang berjaya sebahagiannya kerana terdapat masalah hubungan udara antara kedua-dua negara.

Tetapi beliau yakin perjanjian antara MAS dan penerbangan rasmi Kazakhstan yang akan ditanda tangani semasa lawatan Perdana Menteri itu akan dapat meluaskan lagi hubungan antara kalangan perniaga kedua-dua negara dan menambah projek dua hala.

Bagaimanapun, kata Munataev beberapa syarikat Malaysia telah pun memasuki Kazakhstan termasuk satu yang menunjukkan minat membuka lombong emas dan yang satu lagi akan menandatangani satu perjanjian pelaburan berjumlah AS\$750 juta untuk memulakan projek hidroelektrik semasa lawatan

itu.

Munataev berkata, belum terlambat bagi pelabur-pelabur Malaysia menyertai mereka dari Korea Selatan, Jepun, Eropah dan Amerika yang terlebih dahulu mengambil peluang di Kazakhstan sebaik sahaja negara itu keluar daripada bekas Kesatuan Soviet.

Kata beliau, sementara Kazakhstan dapat mencontohi pengalaman Malaysia, negara itu juga mempunyai kepakaran dalam teknologi tinggi dalam bidang penerbangan dan angkasa lepas serta pertanian yang dapat diambil peluang oleh Malaysia selain daripada menerokai sumber-sumber semula jadinya.

Pada masa ini jumlah perdagangan Malaysia-Kazakhstan ialah hanya AS\$3.6 juta menyebelahi Kazakhstan tetapi sektor swasta negara itu telah pun mula mengimport minyak sawit dan perabot dari Malaysia.

"Saya yakin hubungan diplomatik dan lain antara Malaysia dan Kazakhstan akan menjadi lebih rapat apabila Malaysia mempunyai dutanya di Almaty. Duta Malaysia ke Rusia sekarang juga ditugaskan ke Kazakhstan tetapi dia tidak dapat datang ke Almaty sekerap yang kita mahukan," kata beliau.

Menurut Wisma Putra lawatan Dr Mahathir ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan, yang merupakan yang pertama oleh Perdana Menteri Malaysia, bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala "terutamanya dalam menggalakkan hubungan perdagangan dan ekonomi".

Lawatan itu adalah atas jemputan presiden Republik Kyrgyz, Askar Akayev yang melawat Malaysia Julai tahun lepas dan presiden Kazakhstan, Nazarbayev pada bulan Mei tahun ini -- BERNAMA

RN WAT PR